

## **Kelakuan Perbankan Islam Dalam Pengurusan Pembiayaan Di Malaysia**

### *Behaviour of Islamic Banking in Financing Management in Malaysia*

Mohammad Taqiuddin Mohamad (m.taqiuddin@um.edu.my)  
Joni Tamkin Borhan (joni@um.edu.my)  
Ahmad Azam Sulaiman@Mohamad (ahmadazams@um.edu.my)  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya

#### **ABSTRAK**

Kajian ini menganalisis pengaruh spesifikasi bank, perubahan dasar kewangan dan persekitaran ekonomi ke atas kelakuan perbankan Islam dalam menawarkan pembiayaan. Secara teori, sebarang perubahan yang berlaku dalam petunjuk di atas akan mengarah pengurusan bank membuat pelarasan ke atas pembiayaan yang ditawarkan merujuk kepada objektif memaksimumkan keuntungan di samping meminimumkan kemungkiran. Dengan menggunakan data tahunan dari 1994-2010, kajian ini mendapati tingkah laku perbankan Islam dalam menawarkan pembiayaan mengikut sektor ekonomi sememangnya dipengaruhi oleh faktor bank spesifikasi seperti darjah pengelakan risiko dan nisbah kecukupan modal, faktor dasar kewangan iaitu kadar faedah, bon kerajaan dan seterusnya faktor persekitaran ekonomi iaitu pertumbuhan ekonomi.

Kata kunci: Pembiayaan, Perbankan Islam

#### **ABSTRACT**

*This study analyses the effect of bank specifications, changes in monetary policy and economic environment in Malaysia towards Islamic banking behaviour in offering financing. In theory, any change that occurred in indication above will lead financial authorities, especially banking management to make modifications on financing that offered by referring to profit maximization objective apart from minimize default (default). Based on annual data of 17 full-fledged Islamic Banks from 1994-2009, this study found that the behaviour of Islamic banking in offering financing was influenced by factors of bank specifications such as the last year financing, degree of risk aversion, level of profitability, capitalization and size. While monetary policy on the other hand involving government securities holdings and investments in Islamic Interbank Money Market (IIMM). In contrast Malaysia's economic environment factors in this study did not influence the decision to offer Islamic banking in financing.*

*Keywords: Financing, Islamic Banking*

#### **PENGENALAN**

Perbankan Islam kini merupakan perantara kewangan terpenting dalam ekonomi Malaysia. Seperti perbankan konvensional, perbankan Islam turut bertindak sebagai platform pelaksanaan dasar kewangan negara melalui mekanisme pembiayaan. Dana yang diperoleh daripada pelbagai sumber majoritinya daripada sumber deposit akan dimanfaatkan dalam pelbagai kegiatan pelaburan seperti pembiayaan dalam pemerolehan aset, pembiayaan projek, pembiayaan perdagangan dan sebagainya. Proses ini dikenali sebagai penciptaan kredit<sup>1</sup> yang bermatlamatkan penjana pendapatan bank yang didasari pelbagai prinsip Syariah (Kamal Naser et al, 1999; Jyotirmoy Podder et al, 2004). Kadar

---

<sup>1</sup> Pendeposit meletakkan wang mereka di bank di samping menuntut dan menerima pulangan (*faedah*) daripada bank atas sumbangan modal yang dilakukan dan bank seterusnya menyalurkan dana tersebut kepada peminjam.

keuntungan dan perkongsian untung<sup>2</sup> pula dijadikan panduan dalam penentuan sesuatu keputusan dan *volume* pembiayaan yang akan ditawarkan<sup>3</sup>(Iraj Toutounchian, 2009; Hoshi, Takeo, 2006). Melalui fungsi ini, keperluan kredit unit ekonomi sama ada masyarakat Islam mahupun bukan Islam dapat dipenuhi untuk jangka masa pendek, sederhana dan juga jangka panjang.

Pembiayaan merupakan periuk nasi mana-mana institusi yang menjalankan fungsi perantara kewangan termasuk perbankan Islam yang mewakili komposisi terbesar aset berbanding aset-aset lain. Pertumbuhan pembiayaan juga merupakan penyumbang utama kepada pencapaian matlamat bank melalui keperluan kredit sah masyarakat yang mendapat perkhidmatan daripada perbankan Islam (Shamsudin Ismail, 2009)<sup>4</sup>. Jika keperluan kredit ini tidak dapat dipenuhi, akan wujud keadaan di mana perbankan Islam akan berdepan dengan pelbagai bentuk risiko dan institusi perbankan lain khususnya bank konvensional, syarikat kewangan, institusi kewangan bukan bank dan agensi lain akan mengambil peranan perbankan Islam atas faktor kegagalan memenuhi keperluan kredit masyarakat lebih-lebih lagi masyarakat Islam (Shamsudin Ismail, 2009).

Peranan perbankan Islam dalam menyediakan kemudahan pembiayaan tidak terhad sebagai peminjam dan pemberi pinjaman semata-mata, malah meliputi pelbagai peranan lain iaitu sebagai rakan kongsi sama ada sebagai pemilik modal (*sahib al-mal*) ataupun pengusaha (*mudarib*). Dalam hubungan ini, nisbah pembiayaan terhadap deposit pelanggan akan memberi maklumat penting pada keberkesanan fungsi perantara perbankan Islam. Lebih tinggi nisbah ini, bererti perbankan Islam lebih efektif dalam melaksanakan fungsi perantara dan sebaliknya. Keberkesanan perbankan Islam dalam menjalankan fungsi perantara mempunyai impak signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi melalui peningkatan tingkat output, kestabilan harga, kadar pengangguran yang rendah dan sebagainya.<sup>5</sup>

## PEMBIAYAAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Dalam konteks Islam, perbezaan ketara antara pembiayaan dengan pinjaman dalam perbankan konvensional adalah tegahan faedah ataupun riba (*interest*). Tegahan ini secara tidak langsung telah berjaya mengurangkan secara berperingkat dominansi model kewangan barat pada setiap jenis kegiatan ekonomi yang seterusnya membawa kepada peningkatan produktiviti (Tamer ElGindi et al, 2009). Konsep pembiayaan yang ditawarkan perbankan Islam meletakkan perbankan Islam selaku pembiaya yang terpaksa menanggung risiko kerjasama dengan pelanggan selaku peminjam atau rakan kongsi kerana kedua-duanya akan bertanggungjawab ke atas kejayaan atau kegagalan sesuatu projek pelaburan atau perniagaan (Beng Chong dan Min Hua Liu, 2009). Sebaliknya dalam perbankan konvensional, pinjaman adalah mod utama yang menjadikan faedah (*interest*) sebagai faktor masa bagi proses peminjaman wang. Sedangkan al-Quran menegah sama sekali sebarang aktiviti kewangan yang mempunyai elemen faedah atau tidak mempunyai perhubungan langsung dengan aktiviti perdagangan. Dalam Islam, wang sama sekali tidak boleh dijadikan komoditi pertukaran dalam perniagaan. Sebaliknya, perbankan konvensional menjadikan wang sebagai komoditi yang boleh menghasilkan lebih banyak wang melalui pinjaman yang disertai faedah (*interest*) yang dijadikan mekanisme penentuan harga (Fauziah Md. Taib et al, 2008).

## PERTUMBUHAN PEMBIAYAAN PERBANKAN ISLAM

Sejak perbankan Islam ditubuhkan di Malaysia pada tahun 1983, kadar pertumbuhan pembiayaan menunjukkan prestasi yang amat memberangsangkan. Walau bagaimanapun, prestasi yang ditunjukkan ini masih tidak konsisten sepanjang tempoh 27 tahun beroperasi ini memandangkan terdapat keadaan di mana ia turut terkesan terhadap situasi semasa ekonomi. Buktinya, pada tahun 1987 dan 1998 ketika mana ekonomi dunia mengalami kemelesetan, jumlah pembiayaan perbankan Islam mengalami

<sup>2</sup> Kontrak perbankan Islam diklasifikasikan kepada dua kategori luas, iaitu: i. Kontrak dengan pulangan berubah (*variable returns*) seperti kontrak *musyarakah* dan *mudarabah* 2. Kontrak dengan pulangan tetap (*fixed returns*) seperti jualan ansuran, sewa beli dan jualah. Kategori kedua boleh dijelaskan sebagai kontrak tambahan yang boleh digunakan bersama-sama dengan kategori pertama atau selepas digunakan. Sementara kategori pertama melibatkan risiko, jenis kedua adalah tanpa risiko, yang mungkin lebih menarik bagi bank Islam.

<sup>3</sup> Menurut Hoshi, kredit bukanlah suatu yang percuma, tetapi melibatkan kos sekalipun dalam sistem perbankan tanpa faedah.

<sup>4</sup> “Keperluan kredit sah” bermaksud pembiayaan yang diperlukan bagi sesuatu tujuan yang mengikut undang-undang serta relevan kepada masyarakat amnya. Sebagai contoh, pemberian pembiayaan bagi tujuan penyeludupan dadah dan barang-barang haram menurut perundangan negara tidak tergolong dalam “keperluan kredit sah”.

<sup>5</sup> Beberapa kajian di peringkat makro mendapati pembangunan dan peningkatan kecekapan sektor kewangan boleh meningkatkan lagi prestasi ekonomi melalui pengalihan modal secara optimum ke aktiviti-aktiviti yang memberikan pulangan sosial yang tinggi. Terdapat juga kajian yang mendapati bahawa semakin membangun pengantara kewangan di sesebuah negara, semakin besar kesan positif terhadap pertumbuhan produktiviti, pertumbuhan ekonomi dan pertumbuhan modal fizikal.

kejatuhan sebanyak 18.36 peratus dan 2.68 peratus. Namun keadaan ini kembali pulih dan jumlah pembiayaan perbankan Islam terus mengalami peningkatan untuk tahun berikutnya setelah ekonomi dunia berada dalam keadaan baik dan stabil.

Jadual 1 menunjukkan penggunaan dana (*fund mobilisation*) perbankan Islam Malaysia secara agregat dalam bentuk pembiayaan mengikut jenis. Merujuk kepada jadual, aliran pembiayaan perbankan Islam dipecahkan kepada beberapa jenis iaitu pembiayaan overdraf, pembiayaan berjangka (*term financing*), bil pembiayaan, resit amanah, kredit pusingan dalam mata wang asing, dan selebihnya diwakili oleh lain-lain pembiayaan yang turut ditawarkan. Sepanjang lima tahun iaitu dari tahun 2006-2010, arah aliran pembiayaan perbankan Islam Malaysia mengalami peningkatan iaitu sekitar 11-25 peratus setiap tahun dengan jumlah pembiayaan terkini pada Disember 2010 sebanyak RM 162,412.6 juta. Jumlah pembiayaan ini majoriti disumbangkan oleh jenis pembiayaan berjangka merangkumi pembiayaan seperti pajakan (*leasing*), pembiayaan secara blok, pembiayaan bersindiket, pemfaktoran, pembiayaan peribadi, pembiayaan perumahan dan lain-lain.

Manakala jenis pembiayaan yang paling kurang mendapat permintaan pelanggan adalah pembiayaan resit amanah<sup>6</sup> yang hanya mewakili sekitar 0.4 peratus dari keseluruhan pembiayaan setiap tahun (Rosli Mahmood, 1997).

Perlu diingatkan, walaupun perbankan Islam menawarkan pembiayaan tanpa faedah kepada pelanggan, realitinya perbankan Islam masih berdepan dengan pelbagai bentuk risiko lebih-lebih lagi risiko kredit yang melibatkan kemampuan bank menawarkan lebih banyak pembiayaan. Apabila situasi ini berlaku, bank akan berusaha mengurangkan *volume* pembiayaan pada masa akan datang yang secara langsung mengarah kepada kejatuhan keuntungan bank. Selain risiko kredit, antara contoh risiko yang tidak boleh diambil ringan adalah risiko kadar faedah yang melibatkan wujudnya kesan penggantian (*substitution effect*) di mana pelanggan beralih kepada pinjaman bank konvensional akibat penurunan kadar faedah yang menyebabkan kos pembiayaan di bank konvensional lebih rendah berbanding kos pembiayaan perbankan Islam (Radiah Abdul Kader, 2009). Jadi kajian ini akan melihat kelakuan perbankan Islam Malaysia dalam menawarkan pembiayaan dengan memberi respons terhadap perubahan dalam spesifikasi dalam bank, perubahan dasar kewangan dan seterusnya persekitaran ekonomi.

## KAJIAN LEPAS

Di bahagian ini, penulis mengemukakan beberapa kajian lepas yang menyentuh secara langsung dan tidak langsung mengenai kelakuan pinjaman/pembiayaan bank yang berhubung kait dengan spesifikasi bank, persekitaran ekonomi dan juga pasaran. Tinjauan yang dibuat meliputi peringkat tempatan dan juga antarabangsa. Antaranya kajian yang pernah dibuat oleh M. Kabir Hassan (1993) yang mengkaji aktiviti jualan pinjaman bank-bank komersial Amerika Syarikat merujuk kepada keterdedahan risiko di pasaran modal. Bagi mencapai objektif yang ditetapkan, enam pembolehubah spesifikasi bank dimasukkan iaitu pembolehubah kredit, kadar faedah dan juga pembolehubah perniagaan. Berdasarkan lima pengukuran risiko pasaran yang dibuat, kajian ini mendapati spesifikasi dan pengembangan pinjaman berhubung secara positif dengan semua bentuk risiko pasaran.

Takashi Hatakeda (2000) mengkaji kelakuan pinjaman bank-bank Jepun di bawah kekangan kecairan dari tahun 1975 hingga 1995. Pengkaji menggunakan kaedah penganggaran kaedah kuasa dua terkecil (OLS) terhadap data-data bank sampel di samping beberapa kaedah lain seperti ujian *Augmented Dickey Fuller (ADF) unit roots* dan hubungan kointegrasi antara pembolehubah. Kajian ini berjaya menemui bukti empirikal kewujudan rejim ketiga di mana bank-bank sampel memberikan pinjaman di bawah kekangan kecairan mereka. Melalui rejim ini, kedua-dua indeks harga tanah dan modal bank mempunyai kesan positif dan besar terhadap pinjaman bank. Sebaliknya, kadar panggilan dan aktiviti ekonomi (KDNK benar) mempunyai kesan negatif. Selain itu kajian ini turut mendapati bagaimana liberalisasi dan regulasi terhadap modal bank turut mempengaruhi perilaku pinjaman bank.

A Sinan Cebenoyan dan Philip E. Strahan (2004) mengkaji bagaimana bank-bank komersial domestik Amerika Syarikat mengurus keterdedahan risiko kredit melalui jualan pinjaman memberi kesan terhadap struktur modal bank, pinjaman, keuntungan dan juga risiko dari tahun 1987 hingga 1994.

<sup>6</sup>Resit amanah ialah satu dokumen yang ditandatangani oleh pengimport, mengesahkan penerimaan dokumen-dokumen perkapalan daripada bank dan membolehkan pengimport bertindak bagi pihak bank untuk mendapatkan barangan yang diimportnya daripada syarikat perkapalan. Dengan penerimaan barangan ini, pengimport akan menjulkannya dan menggunakan hasilnya untuk dijelaskan kepada bank.

Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VI (PERKEM VI),

Kajian ini mengguna pakai kaedah penganggaran siri keratan rentas bagi mengukur penggunaan pasaran jualan pinjaman oleh bank bagi tujuan pengurusan risiko. Kajian mendapati bank-bank sampel menyeimbangkan pendedahan portfolio pinjaman melalui jual beli pinjaman, di mana bank yang menjadikan pasaran jualan pinjaman sebagai platform pengurusan risiko dan bukan untuk mengubah pegangan pinjaman, mempunyai modal kurang dari bank-bank lain. Mereka turut menghasilkan lebih banyak pinjaman berisiko (pinjaman perniagaan) sebagai peratus daripada jumlah aset berbanding bank lain. Kajian turut mendapati bank sampel mempunyai risiko rendah dan keuntungan tinggi berbanding bank lain. Kajian ini menyimpulkan bahawa amalan pengurusan risiko yang canggih dalam urusan perbankan akan meningkatkan ketersediaan kredit bank tetapi tidak sepenuhnya mengurangkan risiko bank<sup>7</sup>.

Atunbas Y, Gambacorta L dan Marques D (2007) mengkaji kesan peningkatan drastik aktiviti penssekuritian ke atas penawaran kredit bank-bank di Eropah. Dalam hal ini penssekuritian didapati telah mengubah suai fungsi pasaran kredit dengan mengurangkan peranan fundamental kecairan yang dimainkan oleh perantara kewangan. Selain itu, perubahan peranan bank daripada fungsi asal telah mengubah kemampuan bank dalam menawarkan kredit dan kecekapan saluran pinjaman bank bagi dasar kewangan. Kajian ini mendapati penggunaan penssekuritian telah melindungi penawaran pinjaman bank daripada kesan dasar kewangan. Selain itu, aktiviti penssekuritian bank juga mengukuhkan kapasiti bank untuk menawarkan pinjaman baru, tetapi kapasiti ini bergantung pada keadaan kitaran perniagaan dan kedudukan risiko.

Roza Hazli Zakaria dan Abdul Ghafar Ismail (2008) mengkaji kesan keterlibatan perbankan Islam Malaysia dalam aktiviti penssekuritian terhadap penawaran pinjaman/pembiayaan serta tahap toleransi risiko. Secara teori, aktiviti penssekuritian akan mengurangkan darjah pengelakan risiko bank. Justeru, bank termotivasi meningkatkan peratusan aset dengan penumpuan dalam aktiviti berisiko iaitu melalui pemberian pinjaman kepada sektor ekonomi. Kajian ini merujuk kepada bank-bank komersial Islam di Malaysia untuk tahun 1994-2004 dengan menggunakan analisis data panel. Dapatan kajian menunjukkan aktiviti penssekuritian signifikan mengurangkan pertumbuhan pembiayaan. Ini menandakan bahawa penssekuritian adalah pengganti kepada pembiayaan perbankan Islam Malaysia. Selain itu kajian ini menyokong hipotesis *moral hazard* di mana bank yang terlibat aktif dalam penssekuritian akan mengurangkan pembiayaan yang paling kurang risiko dan diikuti pembiayaan yang lebih berisiko.

Yener Altunbas, Leonardo Gambacorta dan David Marques-Ibanez (2009) membuat kajian empirikal terhadap saluran pinjaman bank menurut perspektif masyarakat Eropah dengan memberi penekanan terhadap peranan inovasi kewangan. Kajian ini mengguna pakai model dinamik data panel dengan merujuk data sukuan daripada tahun 1999 hingga suku keempat tahun 2008 bagi 643 bank di seluruh Eropah<sup>8</sup>. Hasilnya kajian mendapati wujud hubungan signifikan antara kadar faedah rendah dengan pengambilan risiko oleh bank di mana tindakan bank mempunyai kesan pada risiko bank. Selain itu kajian juga mendapati dasar kewangan tidak sepenuhnya neutral terhadap kestabilan dasar kewangan. Selain itu kajian turut mendapati wujud perbezaan saluran pinjaman bank khususnya yang merujuk kepada saiz dan tindak balas kredit terhadap kejutan KDNK. Manakala modal bank pula tidak terlibat dalam kejutan transmisi.

Aisyah Abdul Rahman (2009) mengkaji hubungan antara struktur pinjaman dan pendedahan risiko pasaran bank-bank di Malaysia dengan mengadaptasi penganggaran data panel tidak berimbang untuk sebelas buah bank dari tahun 1994-2006. Dalam kajian ini, pengaruh struktur pinjaman dianalisis menggunakan empat ukuran utama iaitu pinjaman hartanah, indeks pengkhususan, kestabilan pinjaman jangka pendek dan kestabilan pinjaman jangka panjang. Kesimpulannya, kajian mendapati struktur pinjaman untuk sesuatu tahap mempengaruhi pendedahan risiko pasaran kepada beberapa tahap. Pada masa sama, syarikat pegangan bank yang tersenarai menunjukkan tingkat risiko pasaran yang tinggi sepanjang dan selepas krisis kewangan Asia pada 1997. Selain itu, bank dan pelabur perlu mengambil kira kesan struktur pinjaman tambahan kepada kesan perluasan pinjaman dan kecekapan pengurusan apabila menentukan pendedahan risiko bank.

Roman Matousek dan Nicholas Sarantis (2009) melakukan penyelidikan empirikal terhadap saluran pinjaman bank bagi transmisi kewangan di 8 negara CEE (*Central and Eastern Europe*) iaitu Republik Czech, Estonia, Hungary, Latvia, Lithuania, Poland, Republik Slovakia dan Slovenia yang telah bergabung dengan Kesatuan Eropah. Dalam kajian ini, pengkaji menguji apakah perubahan dasar kewangan memberi kesan pada pinjaman bank yang berbeza dari segi saiz bank, kekuatan modal, kecairan dan struktur pemilikan. Bagi mencapai objektif kajian, pengkaji menggunakan kaedah

<sup>7</sup>Kajian ini juga mendapati semua pemboleh ubah spesifikasi bank adalah signifikan berhubung dengan risiko. Pembolehubah modal dan kecairan berhubung negatif dengan risiko, manakala pembolehubah kredit berhubung positif dengan risiko.

<sup>8</sup>Negara-negara tersebut adalah Belgium, Denmark, Jerman, Greece, Finland, Perancis, Ireland, Itali, Luxembourg, Netherlands, Portugal, Spain, Sweden, England dan Amerika Syarikat.

penganggaran panel dinamik ke atas sejumlah besar data panel bank selama tempoh 1994-2003. Hasilnya, kajian ini mendapati saiz bank dan kecairan mempunyai peranan yang paling signifikan dalam membezakan reaksi perbankan terhadap perubahan dasar kewangan. Kajian ini juga turut melihat kesan makroekonomi melalui saluran pinjaman bank dan mendapati bukti yang menghubungkan pemberian pinjaman secara agregat untuk kegiatan ekonomi di negara-negara CEE.

Radiah Abdul Kader dan Yap Kok Leong (2009) mengkaji impak perubahan kadar faedah ke atas permintaan terhadap pembiayaan Islam dalam sistem dwi perbankan di Malaysia. Dalam membuat analisis, pengkaji menggunakan kaedah ekonometrik siri masa *Unit Root Test*, *Kointegrasi*, *Vector Autoregressive (VAR)*, *Granger Causality* dan *Impulse Response Function (IRF)* ke atas data bulanan yang disediakan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dari 1999 hingga 2007. Beberapa pembolehubah dimasukkan, iaitu jumlah pembiayaan hartanah kediaman perbankan konvensional, jumlah pembiayaan hartanah perbankan Islam dan kadar pinjaman asas (*base lending rate, BLR*). Kesimpulannya kajian ini mendapati sebarang peningkatan dalam kadar pinjaman asas (BLR) akan mendorong pengguna mendapatkan pembiayaan daripada perbankan Islam dan sebaliknya.

Steven Buigut (2010) menilai kepentingan saluran pinjaman bank dalam transmisi dasar kewangan di Kenya. Teori pinjaman menyatakan bahawa pengetatan kewangan yang mempengaruhi permintaan agregat dengan mengalihkan keluk penawaran pinjaman ke kiri. Pengurangan ini bagaimanapun mungkin disebabkan oleh tekanan permintaan terhadap pinjaman melalui saluran kadar faedah konvensional. Bagi menjelaskan kekaburan ini, pengkaji menguji saluran pinjaman dengan menggunakan model *vector error correction (VECM)* bagi mengenal pasti peralihan keluk permintaan dan penawaran dalam pasaran pinjaman bank. Melalui kaedah ini, pengenpastian masalah sedia ada berdasarkan data agregat dikemukakan dengan jelas. Kaedah *impulse responses* juga digunakan untuk menganalisis kesan kejutan dasar kewangan pada kuantiti pinjaman, harga pinjaman dan output benar. Kajian mendapati, bank-bank di Kenya perlu menguasai ke semua saluran pinjaman yang wujud.

Salina H. Kassim dan M. Shabri Abd. Majid (2010) mengkaji kesan kejutan kewangan yang berlaku iaitu krisis kewangan Asia pada 1997 dan krisis kewangan dunia pada 2007 ke atas perbankan Islam dan juga perbankan konvensional. Pengkaji juga menguji kesahihan pernyataan yang mengatakan perbankan Islam lebih berdaya tahan terhadap kejutan kewangan berbanding perbankan konvensional. Kajian ini menggunakan kaedah *impulse response functions (IRF)* dan kaedah *vector auto-regression (VAR)* bagi menganalisis data bank dan makroekonomi Malaysia yang dipecahkan kepada tiga tempoh masa iaitu 1997 hingga 1999 (krisis kewangan Asia), 1999-2007 (tempoh kestabilan) dan 2007 hingga 2009 (krisis kewangan dunia). Beberapa pembolehubah spesifikasi bank dimasukkan iaitu pinjaman konvensional, pembiayaan Islam, deposit konvensional dan deposit Islam dimasukkan bagi menguji respons setiap pembolehubah berikut kesan perubahan yang berlaku dalam pembolehubah makroekonomi seperti kadar dasar semalaman (OPR), indeks industri pengeluaran, inflasi dan kadar pertukaran asing. Kajian mendapati kedua-dua sistem perbankan terjejas dengan kejutan kewangan yang berlaku.

María Pia Olivero, Yuan Li dan Bang Nam Jeon (2010) mengkaji bagaimana persaingan di antara bank mempengaruhi transmisi dasar kewangan melalui saluran pinjaman bank-bank komersial di 10 negara Asia dan 10 negara Amerika Latin. Kajian ini mengguna pakai prosedur *two-step estimation* data panel dari tahun 1996 hingga 2006. Peringkat pertama penganggaran, kajian mengukur tahap persaingan bank dengan menerapkan metodologi yang pernah dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Kemudian langkah seterusnya adalah dengan menganggarkan persamaan pertumbuhan pinjaman di mana pembolehubah bebas turut memasukkan pembolehubah persaingan bank. Keputusan penganggaran memberikan bukti konsisten bahawa peningkatan persaingan dalam sektor perbankan akan melemahkan polisi transmisi dasar kewangan melalui saluran pinjaman bank. Hal ini berlaku terutamanya bagi bank-bank di negara Amerika Latin dan bank bersaiz kecil yang mempunyai tahap kecairan dan permodalan yang rendah.

## SPEKIFIKASI MODEL DAN DATA

Spesifikasi model pembiayaan di bahagian ini mengadaptasi pendekatan yang pernah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu seperti M. Kabir Hassan (1993), Takashi Hatakeda (2000), A Sinan Cebenoyan et al (2004), Salina H. Kassim et al (2010), Roman Matousek (2009) yang menggunakan data tahunan bank bagi melihat tindak balas institusi bank dalam menawarkan pinjaman/pembiayaan. Berdasarkan penilaian, kajian ini mencadangkan spesifikasi model berikut sebagai asas bagi melihat kelakuan perbankan Islam dalam menawarkan pembiayaan:

Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VI (PERKEM VI),

*Ekonomi Berpendapatan Tinggi: Transformasi ke Arah Peningkatan Inovasi, Produktiviti dan Kualiti Hidup,*

$$\begin{aligned}
 \text{Financing}_{it} = & \beta_1 + \beta_2 \text{financing}_{it-1} + \beta_3 \text{profit}_{it} + \beta_4 \text{risk}_{it} + \beta_5 \text{capital}_{it} + \beta_6 \text{size}_{it} + \\
 & \beta_7 \Delta M3_{it} + \beta_8 \text{interbankrate}_{it} + \beta_9 \text{mgs}_{it} + \beta_{10} \Delta \text{gdp} + \beta_{11} \text{inflation}_{it} + \\
 & \beta_{11} \text{econfree}_{it} + \varepsilon_{it} + u_i \\
 & i = 1, 2, \dots, N \text{ (bilangan bank)} \quad t = 1, 2, \dots, T \text{ (tempoh masa)}
 \end{aligned}$$

di mana  $\mu_{it}$  adalah kesan tetap masa,  $V_i$  adalah kesan tetap firma dan  $\varepsilon_{i,t}$  adalah sebutan ralat yang tidak berkorelasi secara bersiri dan juga tidak berkorelasi dengan semua pemboleh ubah pada masa  $t-1$ . Kajian ini mendefinisikan  $\text{financing}_{it}$  sebagai tingkat pembiayaan yang ditawarkan oleh perbankan Islam meliputi setiap subsektor ekonomi setiap tahun dari tahun 1994-2009. Disebabkan pemboleh ubah  $\text{financing}_{it-1}$  dijadikan pemboleh ubah bebas dalam kajian ini, maka spesifikasi model yang dibentuk di atas menjadi tidak konsisten. Oleh itu, Arellano dan Bond (1991) mencadangkan penggunaan kaedah penganggaran GMM yang lebih efektif dan konsisten.

## KEPUTUSAN EMPIRIKAL

### Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif bertujuan melihat ciri statistik data setiap pemboleh ubah yang digunakan dalam model kajian yang dibentuk. Antara ciri statistik dalam menentukan kelakuan statistik pemboleh ubah adalah min, median, sisihan piawai (*standard deviation*), kepencongan (*skewness*), kepuncakan (*kurtosis*) dan nilai Jarque-Bera. Min merujuk kepada nilai purata setiap pemboleh ubah bagi keseluruhan sampel kajian, manakala *standard deviation* (*sisihan piawai*) menunjukkan variasi (*serakan*) data dari nilai min.

Merujuk kepada Jadual 2 di bawah, pemboleh ubah spesifikasi perbankan Islam sampel iaitu  $\text{capital}_{it}$  mempunyai nilai min terbesar manakala  $\text{profit}_{it}$  mempunyai nilai min terkecil dan paling kurang berserakan dari segi taburan data. Ringkasan statistik juga menunjukkan keseluruhan data spesifikasi perbankan Islam sampel pencong ke kiri kecuali  $\text{capital}_{it}$  yang pencong ke kanan. Nilai kurtosis menunjukkan nilai melebihi nilai taburan normal di mana taburan data adalah berbentuk leptokurtic di mana  $\text{capital}_{it}$  mencatatkan kepuncakan tertinggi iaitu 76069.9800 manakala  $\text{risk}_{it}$  mencatatkan nilai terendah dan menghampiri nilai taburan normal iaitu 2.3744.

Bagi pemboleh ubah dasar kewangan Malaysia, taburan serakan data menunjukkan nilai purata bagi  $\Delta M3_{it}$  adalah tertinggi dengan nilai 13.1333 manakala  $\text{mgs}_{it}$  pula menunjukkan nilai purata terendah iaitu 3.7845. Taburan data bagi  $\text{interbankrate}_{it}$  dan  $\text{mgs}_{it}$  adalah pencong ke kanan kecuali data bagi  $\text{mgs}_{it}$  yang pencong ke kiri dengan nilai -0.2040. Seterusnya nilai kurtosis bagi  $\Delta M3_{it}$ ,  $\text{interbankrate}_{it}$  dan  $\text{mgs}_{it}$  kesemuanya menghampiri nilai taburan normal yang masing-masing bernilai 2.2620, 2.9798 dan 2.4339.

Seterusnya bagi pemboleh ubah kitaran ekonomi, data  $\text{Econfree}_{it}$  menunjukkan taburan serakan data tertinggi iaitu 64.6000 dengan nilai sisihan piawainya sebanyak 3.6385. Sebaliknya data bagi pemboleh ubah  $\text{inflation}_{it}$  menunjukkan taburan data terendah iaitu dengan nilai 64.600 dengan nilai sisihan piawai sebanyak 3.6385. Seterusnya taburan data bagi  $\Delta \text{gdp}_{it}$ ,  $\text{inflation}_{it}$  dan  $\text{Econfree}_{it}$  menunjukkan data mempunyai kepencongan ke kanan. Nilai kurtosis bagi data  $\Delta \text{gdp}_{it}$  kurang dari nilai taburan normal iaitu 1.9537 manakala data bagi  $\text{inflation}_{it}$  dan  $\text{Econfree}_{it}$  menghampiri nilai taburan normal dengan nilai setiapnya adalah 2.4176 dan 2.0562.

Seterusnya ujian Jarque-Bera dilakukan bagi menguji sama ada data yang digunakan adalah bertaburan normal ataupun tidak. Hasilnya didapati semua data bagi pemboleh ubah yang digunakan signifikan pada aras keertian 0.05 peratus kecuali data bagi pemboleh ubah  $\text{interbankrate}_{it}$ . Keputusan ini menunjukkan bahawa hampir keseluruhan data yang digunakan dalam kajian ini tidak bertaburan normal.

## RINGKASAN KORELASI MATRIKS

Jadual 3 di atas menunjukkan hasil korelasi matriks antara pembolehubah bersandar (*financing*) dan pembolehubah bebas yang lain. Korelasi matriks di atas menunjukkan pembolehubah yang mewakili spesifikasi bank Islam sampel iaitu  $profit_{it}$ ,  $capital_{it}$ , dan  $size_{it}$  berhubung songsang dengan tingkat pembiayaan perbankan Islam, manakala  $risk_{it}$  berhubung secara positif. Bagi hubungan antara pembolehubah dasar kewangan dan tingkat pembiayaan perbankan Islam didapati pembolehubah  $interbankrate_{it}$  dan  $mgs_{it}$  berhubung songsang, sebaliknya pembolehubah  $\Delta M3_{it}$  berhubung secara positif. Seterusnya pembolehubah kitaran ekonomi iaitu  $inflation_{it}$  dan  $econfree_{it}$  mempunyai hubungan korelasi negatif dengan pembolehubah bersandar *financing*, manakala  $\Delta gdp_{it}$  berhubung secara positif dengan nilai korelasi 0.5481.

## HASIL PENGANGGARAN MODEL

Jadual 4 di bawah merupakan hasil penganggaran model dinamik tingkat pembiayaan perbankan Islam. Keputusan kajian menunjukkan kelakuan pembiayaan perbankan Islam dalam kajian ini ditentukan oleh tiga faktor utama iaitu spesifikasi perbankan Islam, perubahan dasar kewangan dan persekitaran ekonomi Malaysia.

Merujuk kepada faktor spesifikasi perbankan Islam, keputusan penganggaran di atas menunjukkan pembolehubah latpembiayaan ( $financing_{it-1}$ ) bererti meningkatkan tingkat pembiayaan semasa perbankan Islam dan keputusan ini mengesahkan spesifikasi dinamik pada aras lima peratus. Tingkat pembiayaan lepas yang tinggi ini dipengaruhi “dasar beri pembiayaan” berhemah yang diadaptasi perbankan Islam yang seterusnya membawa kepada *track record* bayaran balik yang cemerlang oleh pelanggan. Selain itu, aliran pembiayaan perbankan Islam lepas banyak diperuntukkan dalam sektor-sektor produktif yang berupaya menjana pulangan tinggi kepada institusi yang seterusnya menggalakkan perbankan Islam menawarkan lebih banyak pembiayaan untuk tahun seterusnya.

Seterusnya keputusan menunjukkan peningkatan satu peratus tingkat risiko meningkatkan tingkat pembiayaan perbankan Islam sebanyak 3.0248. Keadaan ini menggambarkan perbankan Islam menukar portfolio pembiayaan mereka dengan bergerak ke arah portfolio pembiayaan yang lebih berisiko tinggi sebagai reaksi terhadap hakisan keuntungan daripada pembiayaan berisiko rendah. Umumnya perbankan Islam terlibat dalam pelbagai bentuk pembiayaan seperti hartanah, pembiayaan pengguna, pembiayaan komersial, industri dan sebagainya yang kesemuanya melibatkan profil dan tahap risiko pelbagai khususnya risiko kredit di samping risiko-risiko unik lain. Selain itu, kesan keterlibatan aktif mereka dalam aktiviti pensekuritan juga menjadikan bank termotivasi menumpukan aset mereka terhadap pembiayaan berisiko atas faktor potensi pulangan yang tinggi (Roza Hazli Zakaria dan Abdul Ghafar Ismail, 2008).

Dari aspek struktur modal pula, kajian ini mendapati peningkatan satu peratus struktur modal perbankan Islam mengurangkan kemampuan perbankan Islam menawarkan pembiayaan sebanyak -0.0020. Keputusan ini menunjukkan perbankan Islam mengurangkan pembiayaan dan meningkatkan peruntukan terhadap pembinaan modal dan dapatan ini selaras dengan kajian yang pernah dilakukan oleh Honda (2004) yang mengaitkan kawalan modal bank (*bank capital regulations*) sama ada bersifat mengikat atau tidak memberi kesan kepada kelakuan bank dalam menawarkan pembiayaan. Peraturan bagi bank yang mempunyai lebih modal, tetapi terikat dengan peraturan yang ditetapkan sesekali tidak akan meningkatkan tawaran pembiayaan malah menghadkan atas faktor setiap pembiayaan yang ditawarkan menyebabkan peningkatan dalam nisbah aset wajaran risiko.

Hasil kajian juga menunjukkan  $size_{it}$  berhubung secara positif dengan *financing*. Ini menunjukkan faktor saiz adalah sebagai penentu utama sama ada sesebuah bank akan menambahkan pembiayaan atau sebaliknya. Penemuan ini selaras dengan penemuan Roman Matousek dan Nicholas Sarantis (2009) yang mendapati saiz bank mempunyai peranan paling signifikan dalam membezakan reaksi perbankan terhadap perubahan dasar kewangan. María Pfa Olivero, Yuan Li dan Bang Nam Jeon (2010) pula mendapati bank-bank bersaiz kecil dengan tahap kecairan dan permodalan yang rendah mempunyai keupayaan terhad dalam menawarkan pembiayaan/pinjaman.

Bagi pembolehubah dasar kewangan, hanya dua pembolehubah iaitu  $interbankrate_{it}$  dan  $mgs_{it}$  menunjukkan kepentingan terhadap tingkat pembiayaan perbankan Islam. Walau bagaimana pun terdapat perbezaan tanda bagi kedua-dua pembolehubah di mana  $interbankrate_{it}$  menunjukkan tanda negatif manakala pembolehubah  $mgs_{it}$  menunjukkan tanda positif. Hubungan negatif antara pembolehubah  $interbankrate_{it}$  dengan  $financing_{it}$  dalam kajian menunjukkan peningkatan satu peratus dalam aktiviti pasaran wang antara bank akan mengarah perbankan Islam mengurangkan tingkat Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VI (PERKEM VI),

*Ekonomi Berpendapatan Tinggi: Transformasi ke Arah Peningkatan Inovasi, Produktiviti dan Kualiti Hidup,*

pembiayaan sebanyak -0.3869. Dapatan ini membuktikan aktiviti pelaburan antara bank Islam (*Islamicinterbank investment*) mempunyai kesan penggantian yang cukup tinggi dengan tingkat pembiayaan selain kecenderungan mereka mengekalkan kecairan (Zulkifly Osman et al, 1992).

Manakala pembolehubah  $mgs_{it}$  menunjukkan peningkatan satu peratus dalam pegangan sekuriti kerajaan signifikan dalam meningkatkan tingkat pembiayaan perbankan Islam sebanyak 0.4755 peratus. Ini menunjukkan pengekalahan tahap pegangan sekuriti kerajaan yang tinggi oleh perbankan Islam dan menjualnya apabila cukup tempoh matang akan menghasilkan pulangan berserta keuntungan tinggi. Kemudiannya pulangan ini akan disalurkan dalam pembentukan modal bank bagi tujuan disalurkan ke dalam bentuk pembiayaan (Aggarwal dan Jacques, 2001). Seterusnya pembolehubah pertumbuhan bekalan wang iaitu  $\Delta M3_{it}$  menunjukkan tanda positif terhadap tingkat pembiayaan. Keputusan ini selaras dengan teori dasar kewangan yang mengaitkan peningkatan pertumbuhan wang adalah seiring dengan tingkat pembiayaan institusi bank yang sangat berkait rapat dengan dasar kewangan mengembang. Walaupun keputusan ini selaras dengan teori penawaran wang, namun kajian ini mendapati hubungan yang wujud adalah tidak signifikan.

Bagi pemboleh ubah kitaran ekonomi, ketiga-tiga pembolehubah tidak menunjukkan kepentingan terhadap tingkat pembiayaan perbankan Islam walaupun tanda yang terhasil selaras dengan teori dan kajian-kajian yang dilakukan sebelum ini. Misalnya pembolehubah  $\Delta gdp_{it}$  dan  $inflation_{it}$  menunjukkan tanda negatif manakala pembolehubah  $econfree_{it}$  menunjukkan tanda positif. Ketidaksignifikan  $gdp$  dalam mempengaruhi keputusan pembiayaan perbankan Islam ini selaras dengan kajian yang diperoleh oleh Roza Hazli Zakaria dan Abdul Ghafar Ismail (2008) yang mendapati perbankan Islam lebih bergantung pada penunjuk kunci kira-kira sebagai isyarat keadaan ekonomi berbanding pengukuran umum prestasi ekonomi.

Sebaliknya peningkatan satu peratus dalam  $econfree_{it}$  didapati meningkatkan pembiayaan perbankan Islam sebanyak 0.0085 peratus. Keadaan ini wujud apabila unit-unit ekonomi khususnya peniaga dan usahawan mempunyai kebebasan dan keyakinan tinggi menjalankan perniagaan. Kebebasan yang dimaksudkan meliputi kebebasan menjalankan perniagaan, perdagangan, fiskal, pelaburan, kewangan, rasuah, buruh dan sebagainya. Semakin tinggi tingkat kebebasan ini akan menggalakkan unit-unit ekonomi mendapatkan pembiayaan daripada perbankan Islam yang seterusnya menyumbang kepada keuntungan perbankan Islam (Fadzlan Sufian dan Muzafar Shah Habibullah, 2010). Sebaliknya negara yang memiliki institusi kewangan yang lemah, persekitaran rasuah dan demokrasi yang sedikit akan meningkatkan pembiayaan bermasalah (Abdelkader Boudriga et al, 2009). Walaubagaimanapun, dapatan yang diperoleh ini tidak signifikan dalam mempengaruhi tingkat pembiayaan perbankan Islam.

## PENUTUP

Keputusan kajian juga menunjukkan bahawa keputusan perbankan Islam dalam menawarkan pembiayaan tidak dibuat berasingan. Sebaliknya dibuat secara bersama yang ditentukan oleh interaksi spesifikasi bank, perubahan dasar kewangan dan persekitaran ekonomi Malaysia. Walaupun tahap penguasaan pasaran perbankan Islam masih kecil, namun tahap keyakinan orang ramai terhadap pembiayaan perbankan Islam sentiasa tinggi dan sentiasa mengalami peningkatan dari tahun ke tahun sejak penubuhan bank Islam pertama pada tahun 1983. Walaupun pencapaian ini boleh dibanggakan, namun kekuatan penciptaan kredit yang dimiliki tidak bererti perbankan Islam sewenang-wenangnya boleh menjana sebarang jumlah pembiayaan yang dingini melainkan terdapat permintaan yang bersesuaian. Justeru kajian ini mengemukakan beberapa implikasi dasar yang dilihat bersesuaian dengan kelakuan perbankan Islam dalam menawarkan pembiayaan:

- i. Perbankan Islam seharusnya meminimumkan pengeluaran pembiayaan tidak produktif dan mempunyai potensi masalah tinggi kepada pelanggan yang melibatkan pembiayaan spekulatif seperti pembelian saham, pengambilalihan korporat, perkahwinan, pengubahsuaian rumah dan sebagainya. Mahmood Ahmed (2006) misalnya mendapati perbankan Islam mengalami kesukaran dalam menawarkan pembiayaan berdasarkan konsep perkongsian untung rugi (PLS) khususnya yang melibatkan penyertaan dalam projek jangka panjang dan memberi pulangan rendah, pembiayaan perniagaan kecil dan pembiayaan yang tidak disertai keterlibatan langsung dalam perniagaan.
- ii. Seterusnya usaha kerajaan melalui pelaksanaan polisi fiskal dan kewangan perlu melihat dan mengambil kira ciri-ciri unik perbankan Islam yang jauh berbeza dengan



perbankan konvensional. Jika kerajaan menggubal dasar fiskal dan kewangan mengembang, pengurusan perbankan Islam boleh mempunyai dasar pembiayaan yang lebih liberal seiring peningkatan pertumbuhan kredit tanpa melaksanakan penawaran pembiayaan selektif.

## RUJUKAN

- A. L. M Abdul Gafoor. 1999. *Commercial Banking in the presence of Inflation*, Kuala Lumpur: A. S Noordeen.
- Abdelkader Boudriga, Neila Boulila Taktak dan Sana Jellouli. 2009. Banking supervision and nonperforming loans: a cross-country analysis. *Journal of Financial Economic Policy*. 1(4): 286-318.
- Aggarwal, R dan K. Jaques (1997), A Simultaneous Equations Estimations of the Impact of Prompt Corrective Action on Bank Capital and Risk. Financial Services at the Crossroads: Capital Regulation in the 21<sup>st</sup> Century, Conference, 26-27 Februari 1998. Federal Reserve Bank of New York.
- Aisyah Abdul Rahman. 2009. Lending Structure and Market Risk Exposures: The Malaysian Case. *Asian Academy of Management Journal*, 14 (1): 1-20.
- Arellano, M., Bond, S. 1991. Some tests of specification for panel data: Monte Carlo evidence and an application to employment equations. *Review of Economic Studies* 58: 277-297.
- Atunbas Y, Gambacorta L dan Marques D. 2007. Securitisation and the bank lending channel. *Working Paper Series, No. 838*, Germany: European Central Bank.
- Bank Negara Malaysia (BNM), [www.bnm.gov.my](http://www.bnm.gov.my)
- Beck, T Levine R dan Loayza N. 2000. Finance and the source of growth. *Journal of Financial Economics* 58; 261-300.
- Beng Chong dan Min Hua Liu. 2009. Islamic banking: Interest-free or interest-based? *Pacific-Basin Finance Journal* 17:124-144.
- Cebenoyan, A. S dan Strahan, P. E . 2004. Risk management, capital structure and lending at banks. *Journal of Banking and Finance* 28: 19-43.
- Fadzlan Sufian dan Muzafar Shah Habibullah (2010), "Does economic freedom fosters banks' performance? Panel evidence from Malaysia", *Journal of Contemporary Accounting & Economics* 6, h. 77-91
- Fauziah Md. Taib, T. Ramayah dan Dzuljastri Abdul Razak. 2008. Factor influencing intention to use diminishing partnership home financing. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*. 1(3): 235-248
- Gaffar Abdalla Ahmed 2008. The implication of using profit and loss sharing modes of finance in the banking system, with particular reference to equity participation (partnership) method in Sudan. *Humanomics*. 24(3): 182-206.
- Goldsmith, R. 1969. Financial structure and development, New Haven: Yale University Press.
- Honda Y (2004), Bank Capital Regulations and the Transmission Mechanism, *Journal of Policy Modelling* 26, h. 675-688.
- Hoshi, Takeo. 2006. Creditor Rights and credit Creation by Banks in Transition Economies, Working paper, *Graduate School of International Relations and Pacific Studies University of California*, San Diego, NBER, and TCER.
- Iraj Toutouchian. 2009. *Islamic Money & Banking: Integrating Money in Capital Theory*. Singapore: John Wiley & Sons (Asia) Pte. Ltd.
- Jyotirmoy Podder dan Ashraf al Mamun. 2004. Loan loss provisioning system in Bangladesh banking: A critical analysis. *Managerial Auditing Journal*, 19 (6): 729-740.
- Kamal Naser, Ahmad Jamal dan Khalid AL-Khatib .1999. Islamic Banking: A study of customer satisfaction and preferences in Jordan. *International Journal of Bank Marketing*. 17 (3): 135-150.
- Kasyap, A. K dan J. C Stein.1995. Impact of monetary policy on Bank Balance Sheets. *Cornegie-Rochester Series on Public Policy*, June: 151-195.
- Kishen R. P dan Opiela T. P. 2000. Bank Size, Bank Capital and the Bank Lending Channel. *Journal of Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VI (PERKEM VI)*,  
*Ekonomi Berpendapatan Tinggi: Transformasi ke Arah Peningkatan Inovasi, Produktiviti dan Kualiti Hidup*, Melaka Bandaraya Bersejarah, 5 – 7 Jun 2011

- Money, Credit and Banking*. 32(1): 121-141.
- M. Kabir Hassan .1993. Capital market tests of risk exposure of loan sales activities of large US commercial banks. *Quarterly Journal of Business and Economic*. 32 (1): 27-49.
- M. Kabir Hassan. 1993. Capital market tests of risk exposure of loan sales activities of large US commercial banks. *Quarterly Journal of Business and Economic*, 32 (1): 27-49
- Mahmood Ahmed (2006), "Practice of Mudaraba and Musharaka in Islamic Banking", *Journal of Islamic economics, banking and finance (JIEBF)*, No. 1, Vol. 2, h. 1-12.
- María Pía Olivero, Yuan Li dan Bang Nam Jeon. 2010. Competition in banking and the lending channel: Evidence from bank-level data in Asia and Latin America. *Journal of Banking and Finance*35: 560-571.
- Radiah Abdul Kader. 2009. The impact of Interest rate changes on Islamic Bank Financing. *International Journal of Business Research Papers*. 5 (3): 189-201.
- Roman Matousek dan Nicholas Sarantis. 2009. The bank lending channel and monetary transmission in Central and Eastern European countries. *Journal of Comparative Economics*37: 321–334
- Rosli Mahmood. 1997. Konsep Asas Perbankan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roza Hazli Zakaria dan Abdul Ghafar Ismail. 2008. Does Islamic banks' securitization involvement restrain their financing activity. *Humanomics*. 24 (2): 95-109.
- Salina H. Kassim dan M. Shabri Abd. Majid. 2010. Impact of financial shocks on Islamic banks: Malaysian evidence during 1997 and 2007 financial crises. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*. 3 (4): 291-305.
- Shamsudin Ismail. 2009. Pengurusan Bank Perdagangan di Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Steven Buigut. 2010. Is There a Bank Lending Channel of Monetary Policy in Kenya?. *International Research Journal of Finance and Economics* 45:183-192
- Takashi Hatakeda. 2000. Bank lending behaviour under a liquidity constraint. *Japan and the World Economy* 12: 127-141
- Tamer El Gindi, Mona Said, John William Salevurakis. 2009. Islamic Alternatives to purely Capitalist Modes of Finance: A study of Malaysian Banks from 1999 to 2006. *Review of Radical Political Economics*, 4(4): 516-538.
- Yener Altunbas, Leonardo Gambacorta dan David Marques-Ibanez. 2009. Financial innovation, bank capital and the bank lending channel: A European empiricist's perspective. (Kertas kerja Seminar Monetary Policy Transmission Mechanism in the euro area in its first 10 years" European Central Bank, Frankfurt, 28 September 2009).
- Zubair Hasan .2005. Islamic Banking at the Crossroads: Theory versus Practice. Dalam Munawar Iqbal dan Rodney Wilson (pnyt.). *Islamic Perspectives on Wealth Creation*, UK: Edinburgh University Press.
- Zulkifli Osman, Jaafar Ahmad dan Md Zahir Kechot (1992), *Ekonomi Kewangan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 194.

JADUAL I: Pembiayaan Mengikut Jenis/Sektor

JENIS PEMBIAYAAN			2006	2007	2008	2009	2010
			<i>RM Juta</i>				
Overdraf			2731.0	3,278.0	3,740.1	4,203.5	4,446.7
	Sewa beli ( <i>hire purchase</i> )	Jumlah	26567.7	29,208.8	33,570.7	39,164.1	44,959.0
		yang mana: Kereta penumpang	23127.2	25,422.9	29,154.8	36,498.9	41,569.3
Pembiayaan berjangka ( <i>term financing</i> )	Pajakan ( <i>leasing</i> )		376.5	505.2	331.1	760.4	875.4
	Pembiayaan secara blok		0.0	0.0	0.0	0.0	0.0
	Pembiayaan penyambung		369.2	465.9	384.4	413.5	397.6
	Pembiayaan bersindiket		1199.1	772.2	521.8	2,504.4	2,061.1
	Pemfaktoran		0.0	0.0	0.0	0.0	0.0
	Pembiayaan peribadi		4526.4	6,001.0	8,484.0	11,727.3	15,540.2
	Pembiayaan perumahan		16403.0	17,036.6	18,940.8	22,728.3	29,792.6
	Lain-lain		14027.9	17,764.8	23,882.5	34,453.2	43,181.6
	yang mana tempoh matangnya:	Sehingga satu tahun	1255.6	2,096.6	4,289.4	4,183.1	3,878.4
		Melebihi satu tahun	53460.3	60,720.5	75,642.8	104,596.9	127,185.1
Bil pembiayaan			9164.2	10,291.8	10,070.0	8,056.9	7,881.8
Resit amanah			512.4	571.3	728.2	652.8	664.3
Kredit pusingan			2117.3	2,079.6	3,058.5	5,268.8	6,230.4
Pembiayaan dalam mata wang asing			327.4	841.6	2,628.2	3,132.9	3,956.9
Lain-lain			1004.6	1,050.8	1,381.6	1,907.6	2,425.0
Jumlah			80460.5	89,867.6	107,721.8	134,973.5	162,412.6

Sumber: Diubahsuai daripada Bank Negara Malaysia (BNM)

Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VI (PERKEM VI),

*Ekonomi Berpendapatan Tinggi: Transformasi ke Arah Peningkatan Inovasi, Produktiviti dan Kualiti Hidup,*

Melaka Bandaraya Bersejarah, 5 – 7 Jun 2011

JADUAL 2: Statistik Deskriptif Pembolehubah

Pembolehubah	Mean	Std. Dev.	Skewness	Kurtosis	Jarque-Bera
<i>financing<sub>it-1</sub></i>	13.5035	2.9507	-1.9735	8.8011	377.4452*
<i>profit<sub>it</sub></i>	0.0166	0.0136	-0.1227	11.3970	511.6355*
<i>risk<sub>it</sub></i>	0.4636	0.2323	-0.1069	2.3744	3.3331
<i>capital<sub>it</sub></i>	41.5099	364.8374	9.8176	101.2124	76069.9800*
<i>size<sub>it</sub></i>	14.5401	2.1181	-0.3741	4.5875	24.7698*
$\Delta M3_{it}$	13.1333	0.4106	-0.2040	2.2620	8.0588*
<i>interbankrate<sub>it</sub></i>	4.0617	1.9166	1.1957	2.9798	64.8143
<i>mgs<sub>it</sub></i>	3.7845	1.5326	0.9809	2.4339	47.2523*
$\Delta gdp_{it}$	12.8396	0.4010	0.1436	1.9537	13.3413*
<i>inflation<sub>it</sub></i>	2.7077	1.3733	0.4847	2.4176	14.4924*
<i>econfree<sub>it</sub></i>	64.6000	3.6385	0.4004	2.0562	17.3642*

JADUAL 3: Analisis Korelasi Matriks Pembolehubah

	$fin_{it-1}$	$profit_{it}$	$risk_{it}$	$capital_{it}$	$\Delta gdp_{it}$	$\Delta M3_{it}$	$interbankrate_{it}$	$inflation_{it}$	$mgs_{it}$	$size_{it}$	$Econfree_{it}$
$financing_{it-1}$	1.0000										
$profit_{it}$	-0.1869	1.0000									
$risk_{it}$	0.4898	-0.0440	1.0000								
$capital_{it}$	-0.5432	0.2131	-0.2320	1.0000							
$\Delta gdp_{it}$	0.5481	-0.1016	0.1406	-0.1168	1.0000						
$\Delta M3_{it}$	0.5399	-0.1032	0.1414	-0.1070	0.9950	1.0000					
$interbankrate_{it}$	-0.4071	0.1679	0.0957	0.1016	-0.5302	-0.5427	1.0000				
$inflation_{it}$	-0.0920	0.0200	0.0912	0.0896	0.0474	0.0010	0.5557	1.0000			
$mgs_{it}$	-0.4197	0.1655	0.0658	0.1062	-0.5536	-0.5719	0.9905	0.5689	1.0000		
$size_{it}$	0.8859	-0.1468	0.2070	-0.2399	0.6500	0.6429	-0.4935	-0.0921	-0.5058	1.0000	
$econfree_{it}$	-0.1750	0.1896	0.1372	0.1344	-0.1535	-0.1670	0.7518	0.5499	0.7410	-0.1953	1.0000

Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VI (PERKEM VI),

*Ekonomi Berpendapatan Tinggi: Transformasi ke Arah Peningkatan Inovasi, Produktiviti dan Kualiti Hidup,*

Melaka Bandaraya Bersejarah, 5 – 7 Jun 2011

JADUAL 4 : Keputusan Penganggaran Model

Spesifikasi	Parameter Penganggaran	
	GMM-Difference	GMM-System
$financing_{it-1}$	0.0871* (2.4755)	0.1046* (2.2779)
$profit_{it}$	-1.1897 (-0.4768)	1.2797 (0.3381)
$risk_{it}$	3.0248* (11.6600)	2.2700* (2.9838)
$capital_{it}$	-0.0019* (-15.9870)	-0.0020* (-15.6427)
$size_{it}$	0.7042* (8.6663)	0.7783* (8.8067)
$\Delta M3_{it}$	1.0876 (0.7368)	0.4277 (0.7483)
$interbankrate_{it}$	-0.5965* (-4.4083)	-0.3869* (-2.6096)
$mgs_{it}$	0.6559* (3.3014)	0.4755* (2.3540)
$\Delta gdp_{it}$	-0.5927 (-0.4413)	-0.0037 (-0.0061)
$inflation_{it}$	-0.0065 (-0.2271)	-0.0229 (-1.0957)
$econfree_{it}$	0.0070 (0.3458)	0.0085 (1.0097)
Sargan Test	126.3045*	3.7883*
AR(1)	-0.42	-0.11
AR(2)	-0.89	-0.77

\*Signifikan pada 5%

\*\*Signifikan pada 1%

\*Signifikan pada 10%

() nilai-t

Ujian Sargan merujuk kepada terlebih pengecaman batasan